



PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN

HGM239 - GEOGRAFI MANUSIA

SEMESTER 1

SIDANG AKADEMIK 2018/2019

TAJUK :

DENGAN MERUJUK KEPADA SEKTOR PERKHIDMATAN,
BINCANGKAN PERKEMBANGAN DAN KEPENTINGAN SEKTOR INI
KEPADA EKONOMI MALAYSIA.

NAMA : IBNU SANY BIN SAMSULBAHRI
NO. KAD MATRIKS : 136361
NO KAD PENGENALAN : 970710-12-5703
NO. TELEFON : 0113-686-0332
EMAIL : ibnusany@gmail.com
NAMA PENSYARAH : DR. NOORIAH BINTI YUSOF

ISI KANDUNGAN

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
	ISI KANDUNGAN	I
1.0	PENGENALAN	1
2.0	SEKTOR PERKHIDMATAN	2 - 3
3.0	PERKEMBANGAN SEKTOR PERKHIDMATAN DI MALAYSIA	4 - 7
4.0	KEPENTINGAN SEKTOR PERKHIDMATAN KEPADA EKONOMI MALAYSIA	8
4.1	SUMBANGAN KEPADA EKSPORT	8 - 9
4.2	SUMBANGAN KEPADA KDNK	9 - 11
4.3	SUMBANGAN KEPADA TENAGA KERJA / PEKERJAAN	11 - 12
5.0	RUMUSAN	13
	BIBLIOGRAFI	14 - 15

1.0 PENGENALAN

Pertumbuhan ekonomi negara yang pesat pada masa kini amat berkait rapat dengan sumbangan yang diberikan oleh pelbagai jenis sektor ekonomi di Malaysia. Melalui sektor ekonomi ini telah wujudnya banyak cabang aktiviti ekonomi yang menjadi penjana utama kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia. Sebagai contoh aktiviti pertanian, perindustrian, pembuatan dan sebagainya. Secara amnya, terdapat tiga sektor utama, iaitu sektor primer, sektor sekunder dan sektor tertier. Pembahagian sektor ini adalah berdasarkan kepada bentuk aktiviti yang terlibat. Secara ringkasnya, sektor primer adalah kegiatan yang berkait secara langsung dengan sumber alam seperti pengeksploitan dan penggunaan sumber (Azman Abdulah et al., 2008). Sektor kedua pula adalah kegiatan yang melibatkan hasil atau produk keluaran daripada sektor primer untuk menjalankan aktivitinya. Sektor tertier pula merupakan sektor sokongan kepada sektor primer dan sektor sekunder. Sektor tertier sangat penting bagi menjalinkan dan menyokong kegiatan ekonomi sektor primer iaitu pertanian dan sektor sekunder iaitu perindustrian. Kemajuan sektor primer dan sektor sekunder juga sangat bergantung kepada sektor tertier. Sebagai contoh, bidang pertanian memerlukan perkhidmatan jalan raya untuk menghantar hasil ke kilang. Dalam penulisan ini, penulis akan memfokuskan kepada sektor perkhidmatan yang tergolong dalam sektor tertier. Perkhidmatan yang tergolong dalam sektor ketiga ini merupakan salah satu ekonomi yang telah membawa kepada pertumbuhan dan pembangunan yang pesat terhadap ekonomi negara. Oleh itu, penulis akan membincangkan perkembangan yang berlaku dalam sektor perkhidmatan di Malaysia dan kepentingan sektor perkhidmatan terhadap ekonomi negara.

2.0 SEKTOR PERKHIDMATAN

Menurut Fellman dan Getis (2007), terdapat lima sektor ekonomi pada masa kini, iaitu sektor primer, sektor sekunder, sektor tertier, sektor kuartener dan sektor kuiner. Sektor kuartener dapat ditakrifkan dengan aktiviti perkhidmatan yang diusahakan oleh profesional kolar putih yang bekerja dalam bidang pendidikan, pentadbiran kerajaan, pengurusan, pemprosesan maklumat dan penyelidikan. Sektor kuiner pula ditakrifkan dengan aktiviti perkhidmatan yang terlibat dalam membuat keputusan peringkat tinggi dalam organisasi besar awam dan swasta.

Perkhidmatan boleh dikategorikan ke dalam sektor tertier, sektor kuartener dan sektor kuiner kerana sektor ini tidak melibatkan barangan sebaliknya terlibat dalam bentuk perkhidmatan sahaja (Azman Abdullah et al., 2008). Istilah “perkhidmatan” merupakan satu fenomena yang rumit kerana secara tradisionalnya sangat sukar untuk ditakrifkan. Walau bagaimanapun, ramai pengkaji tampil untuk memberikan pendefinisian yang tepat untuk fenomena yang rumit ini (Gronroos, 2000). Lovelock et al., (2001) telah membuat satu takrifan yang merangkumi semua aspek dalam perkhidmatan yang menyatakan bahawa perkhidmatan merupakan aktiviti-aktiviti ekonomi yang mencipta nilai dan memberi manfaat kepada pelanggan pada masa dan di tempat yang tertentu serta membawa perubahan yang diinginkan oleh penerima atau bagi pihak penerima bagi sesuatu perkhidmatan itu. Menurut Teo (2014), perkhidmatan adalah hasil daripada aktiviti-aktiviti antara pembekal dengan pelanggan dan aktiviti dalaman pembekal untuk memenuhi kehendak pelanggan.

Subsektor ekonomi perkhidmatan terdiri daripada elektrik, gas dan air, pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi, perkhidmatan pelancongan, pengangkutan, perniagaan, kesihatan, pendidikan, perbankan, kewangan dan lain-lain. Sektor-sektor ekonomi ini menjadi tumpuan ramai bukan sahaja penduduk tempatan, namun menarik perhatian orang asing untuk datang ke Malaysia seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Sektor perkhidmatan juga boleh ditakrifkan dengan aktiviti manusia yang menawarkan pengetahuan dan masa mereka untuk meningkatkan produktiviti, prestasi, potensi dan kemampuan. Perkhidmatan juga merangkumi perhatian, nasihat, pengalaman dan perbincangan. Pengeluaran

maklumat umumnya juga dianggap sebagai perkhidmatan, tetapi sesetengah ahli ekonomi menyifatkannya kepada sektor keempat iaitu sektor kuaterner.

Dari sudut pandangan ekonomi, perkhidmatan juga adalah kerja yang dilakukan oleh seseorang individu atau sekumpulan individu yang memberi manfaat kepada orang lain tanpa menjual barangan. Pembekal perkhidmatan boleh terlibat dalam aktiviti ekonomi tanpa mengalami batasan seperti perlu menyediakan stok atau bahan mentah. Oleh itu, sektor perkhidmatan sememangnya merupakan sektor yang terpenting bagi negara Malaysia dengan melibatkan banyak subsektor ekonomi dalam kelompok sektor perkhidmatan ini. Bahkan, sektor perkhidmatan ini mempunyai potensi untuk dimajukan sebagai sektor utama negara pada masa hadapan.

3.0 PERKEMBANGAN SEKTOR PERKHIDMATAN DI MALAYSIA

Sektor perkhidmatan di Malaysia telah mengalami banyak perubahan. Sebelum mencapai kemerdekaan, ekonomi Malaysia adalah berasaskan seperti *Agrarian* (ekonomi yang berkaitan dengan pertanian), aktiviti ekonomi lebih tertumpu kepada penanaman getah dan perlombongan bijih timah, manakala di negeri semenanjung tumpuan diberikan kepada penanaman padi. Hal ini demikian kerana, pada masa tersebut, sektor perkhidmatan tidak lagi dikenalpasti sebagai sektor yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. (Nur Azura Sanusi et al., 2012). Hakikatnya, semasa penjajahan British ke atas Malaysia, negara kita sudah pun diperkenalkan dengan pelbagai sektor perkhidmatan. Pengeksploitasian sumber di Malaysia yang dilakukan oleh pihak British menjadi pemangkin kepada kewujudan sektor perkhidmatan ini. Hal ini demikian kerana, sektor primer sahaja tidak mencukupi untuk membangunkan sesuatu kawasan kerana sangat bergantung kepada sektor perkhidmatan untuk menggerakkannya. Sebagai contoh, sektor perlombongan yang dijalankan di Ipoh, Perak sangat memerlukan jaringan pengangkutan untuk mengangkut bijih timah ke kilang-kilang. Saling kebergantungan ini sangat ketara apabila British memperkenalkan sektor perkhidmatan yang lain sebagai contoh jaringan komunikasi, utiliti (elektrik dan air), perbankan dan lain-lain.

Selepas Malaysia mendapat kemerdekaan dari cengkaman pihak British, sektor perkhidmatan ini menjadi fokus kepada pihak kerajaan untuk dibangunkan. Bermula pada tahun 1960, sektor perkhidmatan telah mendapat perhatian dalam analisis ekonomi. Hasilnya, fokus ekonomi Malaysia telah berubah dari aktiviti pertanian kepada aktiviti k-ekonomi (Nur Azura Sanusi et al., 2012). Malaysia bukan hanya sekadar meneruskan keberlangsungan perkhidmatan yang disediakan oleh pihak British, malah menambahbaik sektor ini bagi meningkatkan lagi produktiviti negara. Walaupun sektor perkhidmatan dilihat sebagai sektor yang membangun, namun sektor primer juga tidak diabaikan kerana Malaysia masih memerlukan sektor primer bagi keperluan rakyat seperti pertanian beras dan sebagainya.

Oleh itu, dalam penulisan ini, penulis akan memperlihatkan perkembangan sektor perkhidmatan di Malaysia bagi setiap 10 tahun bermula dari era tahun 90-an sehingga

yang terkini berdasarkan data-data sekunder yang sebenar. Berikut merupakan jadual yang menunjukkan perubahan yang ketara dalam perkembangan sektor perkhidmatan.


Jadual 1: Sumbangan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Sektor Perkhidmatan di Malaysia pada Tahun 1990, 2000, 2010 dan 2017

Tahun	1990	2000	2010	2017
RM (juta)	49, 619	112, 372	359, 215	638, 752
Sumbangan kepada KDNK (%)	46.5	50.9	53.2	54.4

Sumber : Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia & Jabatan Perangkaan Malaysia

Berdasarkan jadual 1, jelas terlihat bahawa berlaku peningkatan yang berterusan dan memuaskan yang telah ditunjukkan oleh sektor perkhidmatan. Peningkatan ini sememangnya telah menyebabkan sektor perkhidmatan berkembang maju di negara Malaysia. Jadual 1 menunjukkan pada tahun 1990, sektor perkhidmatan menyumbang sebanyak 46.5% iaitu sebanyak RM49, 619 juta pada tahun berkenaan dan terus meningkat secara mendadak dalam tempoh sepuluh tahun selepas itu kepada 50.9% iaitu sebanyak RM112, 374 juta. Perkembangan sektor perkhidmatan ini terus menunjukkan peningkatan yang baik terhadap kepada KDNK negara dalam tempoh sepuluh tahun yang berikutnya, iaitu pada tahun 2010 peningkatan adalah sebanyak 53.2% iaitu sebanyak RM359,215 kepada 54.4% iaitu sebanyak RM638, 752 juta pada tahun 2017. Walaupun peningkatan ini tidak sama seperti peningkatan pada era 90-an, namun sektor perkhidmatan tetap menunjukkan peningkatan yang dapat membezakan antara tahun 2000 dan 2010. Berdasarkan MIDA, menjelang tahun 2020, sektor perkhidmatan bakal menyumbang sebanyak 56.5% kepada KDNK negara.

Graf 1: Sumbangan Guna Tenaga Dalam Sektor Perkhidmatan di Malaysia pada Tahun 1990, 2000, 2010 dan 2017



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sektor perkhidmatan juga menunjukkan perkembangan yang memberangsangkan dalam membuka peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan. Graf garis 1 telah menunjukkan perkembangan guna tenaga dari tahun 1900, 2000, 2010 dan 2017 (peningkatan setiap 10 tahun). Pada tahun 1990, guna tenaga dalam sektor perkhidmatan adalah berjumlah sebanyak 3158.8 juta orang yang bekerja dalam industri perkhidmatan. Pada tahun 2000 pula, guna tenaga ini menunjukkan peningkatan apabila jumlah tenaga meningkat kepada 4755 juta orang. Jumlah guna tenaga dalam sektor perkhidmatan terus menunjukkan peningkatan yang memuaskan apabila pada tahun 2010, seramai 7033.9 juta orang. Peluang pekerjaan yang telah banyak dibuka oleh sektor perkhidmatan telah menunjukkan seramai 8956.3 juta orang tenaga kerja digunakan pada tahun 2017.

Perkembangan sektor perkhidmatan dalam negara telah mengubah polisi kerajaan iaitu pengenalan kepada dasar liberalisasi. Perubahan yang berlaku ini ada untuk meningkatkan lagi pertumbuhan ekonomi negara. Menurut Perdana Menteri keenam, Dato Sri Najib Bin Tun Razak (2009) semasa membentangkan bajet mini di bawah Pakej Rancangan Ekonomi Kedua pada 10 Mac 2009, beliau telah mengumumkan bahawa kerajaan akan mengambil langkah-langkah dalam meliberalisasikan sektor

perkhidmatan bagi menarik lebih banyak pelaburan, membawa masuk profesional dan teknologi, dan memperkukuh daya saing sektor ini.

Pada 22 April 2009, kerajaan telah meliberalisasikan sektor perkhidmatan di Malaysia. Menyedari potensi pertumbuhan sektor perkhidmatan, kerajaan mengambil keputusan untuk meliberalisasikan serta merta 27 subsektor perkhidmatan, tanpa mengenakan sebarang syarat ekuiti. Subsektor-subsektor ini termasuk bidang-bidang perkhidmatan kesihatan dan sosial, perkhidmatan pelancongan, perkhidmatan pengangkutan, perkhidmatan perniagaan dan perkhidmatan komputer dan yang berkaitan (Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia, 2018). Bagi memudahkan kemasukan pelaburan ke sektor perkhidmatan, sebuah Jawatankuasa Peringkat Kebangsaan bagi meluluskan pelaburan dalam sektor perkhidmatan telah ditubuhkan di bawah MIDA. Jawatankuasa ini akan bertindak sebagai pusat tumpuan untuk menerima dan memproses permohonan-permohonan pelaburan dalam sektor perkhidmatan, tidak termasuk pelaburan dalam perkhidmatan-perkhidmatan kewangan, perjalanan udara, utiliti-utiliti, Koridor-koridor Pembangunan Ekonomi, Koridor Raya Multimedia (MSC) dan syarikat-syarikat berstatus Bionexus dan perdagangan pengedaran. Dapat disimpulkan bahawa mengubah dasar liberalisasi oleh pihak kerajaan mampu menarik pelabur-pelabur asing untuk melabur di negara Malaysia tanpa mengalami sekatan dan seterusnya menjadi pemangkin kepada peningkatan sektor perkhidmatan.

4.0 KEPENTINGAN SEKTOR PERKHIDMATAN KEPADA EKONOMI NEGARA

4.1 SUMBANGAN TERHADAP EKSPORT NEGARA

Sektor perkhidmatan dalam negara juga memberi sumbangan yang besar terhadap negara. Menurut Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Muhamed (2014) menerusi Utusan Online berkata usaha telah diambil untuk mempromosi perkhidmatan berpotensi tinggi untuk eksport, termasuk minyak dan gas, penyelenggaraan, reka bentuk kreatif, pembaikan dan pemulihan, perkhidmatan pembuatan elektrik dan perkhidmatan maklumat dan komunikasi. Sebanyak 147 aktiviti promosi perdagangan dirancang tahun ini dengan 45 program bertumpu kepada sektor perkhidmatan yang menyasarkan pasaran tradisional dan baharu. Pada tahun 2013, sumbangan daripada eksport perkhidmatan kepada keseluruhan eksport barangan dan perkhidmatan di Malaysia ialah 15.4 peratus atau RM125.47 bilion berbanding 14.3 peratus atau RM117.01 pada tahun 2012.

Menurut Suffian A Bakar (2016), dalam Berita Harian Online, Majlis Eksport Negara (NEC) telah menggariskan beberapa strategi untuk meningkatkan prestasi sektor perkhidmatan utama khususnya pembinaan dalam teknologi maklumat dan telekomunikasi (ICT) dan pendidikan serta pelancongan. Dalam strategi ini termasuklah peningkatan penggunaan perkhidmatan pembinaan Malaysia dalam projek antarabangsa menerusi perkongsian strategi antara perusahaan kecil dan sederhana (IKS) dengan syarikat multinasional (MNC) selain memacu eksport perkhidmatan ICT, kandungan ICT dan media. Strategi seterusnya ialah dengan meningkatkan kehadiran jenama perkhidmatan pendidikan Malaysia di luar negara, selain meningkatkan kemasukan para pelancong ke Malaysia. Menurut MATRADE, strategi berkenaan disasarkan bagi menangani defisit sektor perkhidmatan Malaysia sejak 2010 dan sejajar Rangka Tindakan Sektor Perkhidmatan yang dilancarkan pada tahun 2015. Katanya, cadangan dipersetujui NEC itu juga konsisten dengan Rancangan Malaysia Ke-11 yang menyasarkan peningkatan dalam pendapatan eksport sektor perkhidmatan lebih 40 peratus daripada RM135 bilion dicatatkan pada 2015 kepada RM195 bilion.

Menurut Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (2018), dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-11, pembangunan sektor akan berpandukan kepada Pelan Induk Sektor Perkhidmatan yang bermatlamat meningkatkan potensi dan mentransformasikan sektor ini kepada sektor berintensifkan inovasi dan pengetahuan. Sektor perkhidmatan ini dijangka berkembang pada kadar 6.9% setahun. Pada tahun 2020, sektor ini akan menyumbang 56.6% kepada KDNK dan menggaji 9.6 juta. Di samping itu, sasaran khusus untuk mengubah sektor perkhidmatan adalah dengan meningkatkan bahagian nilai eksport perkhidmatan yang ditambah dari 12% pada 2010 kepada 19% pada tahun 2020.

4.2 SUMBANGAN KEPADA KELUARAN DALAM NEGERI KASAR (KDNK)


Sektor perkhidmatan di Malaysia sememangnya memberi kepentingan yang besar dari segi sumbangan terhadap ekonomi negara. Antara sumbangan sektor perkhidmatan termasuklah peningkatan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Industri pelancongan muncul sebagai sektor perkhidmatan yang paling banyak menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia. Menurut Daliza Ariffin (2001) dalam Utusan Online, jumlah pelancong yang melawat ke Malaysia bagi tempoh enam bulan pertama tahun 2001 ini telah meningkat 44 peratus kepada 7.23 juta berbanding 5.02 juta dalam tempoh yang sama tahun sebelumnya meskipun ekonomi serantau yang lembap kini. Menurut kenyataan Majlis Tindakan Ekonomi Negara, jumlah itu hampir menyamai jumlah ketibaan pelancong ke Malaysia pada tahun 1999 iaitu 7.93 juta. Berikut merupakan perbandingan kedatangan pelancong antara tahun 2000 dan 2001.

Jadual 2 : Perbandingan kedatangan pelancong ke Malaysia pada tahun 2000 dan 2001 (juta)

Bulan	Tahun	
	2000	2001
Januari	731 509	1 052 000
Februari	786 040	1 090 000
Mac	737 678	1 392 000
April	916 382	1 358 000
Mei	894 350	1 038 000
Jun	960 782	1 304 000

Sumber : Majlis Tindakan Ekonomi Negara

Graf 2 : Perbandingan kedatangan pelancong ke Malaysia pada tahun 2000 dan 2001 (juta)



Sumber : Majlis Tindakan Ekonomi Negara

Mohd Shahrizam Razali (2018) menerusi Utusan Online, jumlah KDNK negara pada tahun 2017 berjumlah RM1.352 trilion dengan sektor perkhidmatan menjadi penyumbang terbesar iaitu 54.4 peratus. Ketua Perangkawan Jabatan

Perangkaan Malaysia, Datuk Seri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, sektor perkhidmatan menerajui momentum positif apabila mencatatkan pertumbuhan 6.2 peratus dipacu oleh segmen perdagangan runcit dan borong serta komunikasi dan maklumat.

Secara keseluruhannya, sektor perkhidmatan pelancongan telah menjadi sumber pendapatan kepada negara melalui perbelanjaan yang dilakukan oleh para pelancong. Sebagai contoh, kedatangan pelancong-pelancong asing semestinya akan melakukan perbelanjaan ke atas perkhidmatan agensi seperti penasihat pelancongan, penginapan dan makanan yang sedikit sebanyak menyumbang kepada pendapatan negara (Azman Abdullah, 2008). Kedatangan pelancong asing juga menyebabkan pengaliran masuk wang asing masuk ke dalam negara. Sebagai contoh, pelancong dari luar negara akan membawa mata wang asing mereka ke dalam Malaysia sekaligus membantu menstabilkan nilai mata wang negara apabila aliran wang masuk melebihi aliran wang keluar negara.

4.3 SUMBANGAN KEPADA TENAGA KERJA / PEKERJAAN

Kepesatan pertumbuhan sektor perkhidmatan juga memberi kesan yang positif kepada peluang pekerjaan. Pertumbuhan sektor perkhidmatan sememangnya memerlukan tenaga kerja untuk menggerakkan aktiviti-aktiviti perkhidmatan ini. Peningkatan KDNK dalam ekonomi sangat berkait rapat dengan peluang pekerjaan. Sektor perkhidmatan ini mampu meningkatkan pembangunan sosioekonomi masyarakat dengan memberi peluang pekerjaan untuk rakyat tempatan. Menurut Mohamad Hafiz Yusoff (2018) menerusi Utusan Online, Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak pada tahun 2010 telah mencatatkan kejayaan yang memberangsangkan khususnya dari segi mewujudkan peluang pekerjaan dalam sektor perkhidmatan. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Rahman Dahlan berkata perkara itu terbukti menerusi sumbangan tertinggi sektor perkhidmatan iaitu sebanyak 54 peratus kepada KDNK termasuk menyediakan peluang pekerjaan sebanyak 1.78 juta orang. Peluang pekerjaan di negara ini banyak diwujudkan seiring dengan prestasi ekonomi yang kukuh. Ini dapat dibuktikan dengan kewujudan peluang berkenaan iaitu sebanyak 679300 pekerjaan berkemahiran tinggi disediakan sejak 2010 sehingga 2016.

Menurut Nabila Yasmin Razib (2018) dalam Utusan Online, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed dalam Utusan Online menyatakan pada tahun 2017 sektor perkhidmatan negara merekodkan pertumbuhan tahunan sebanyak 6.2 peratus. Bagi tempoh Januari hingga September 2017, jumlah pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkhidmatan adalah sebanyak RM69.2 bilion dengan 3386 projek yang akan menjana 58,000 peluang pekerjaan baharu. bahawa sektor perkhidmatan ini telah membuka banyak peluang pekerjaan dan dapat dilihat perkembangan prestasinya pada setiap suku dan ia akan terus menjadi pemacu utama pertumbuhan ekonomi. Tambahan lagi hasil sebanyak 16851 peluang pekerjaan telah ditawarkan di seluruh negara dengan 2170 kekosongan yang berjaya diisi setakat ini.

Kesan penggandaan yang berlaku ke atas sub-sektor perkhidmatan telah membuka banyak peluang pekerjaan khususnya kepada rakyat tempatan. Misalnya dalam perkembangan sektor pelancongan, sektor ini juga akan menggalakkan perniagaan dan perkhidmatan yang berkaitan dengan perkhidmatan seperti hotel, resort, perkhidmatan restoran, chalet, perkhidmatan pemandu pelancong serta perkhidmatan kewangan dan insurans. Hal ini secara tidak langsung memerlukan tenaga kerja bagi menggerakkan pekerjaan ini dan seterusnya menyumbang kepada pembukaan banyak peluang pekerjaan. Oleh itu, pertumbuhan sektor pelancongan bukan sahaja menjadi punca rezeki kepada ahli korporat dan pengusaha syarikat, malah memberi pendapatan kepada golongan tenaga kerja ini.

5.0 RUMUSAN

Kesimpulannya, memang tidak dapat dinafikan lagi sektor perkhidmatan di Malaysia telah mengalami banyak perubahan. Sektor perkhidmatan di Malaysia telah mengalami perkembangan apabila kerajaan mengambil berat berkaitan dengan sektor perkhidmatan ini sejak tahun 1960 lagi. Sektor tertier dapat menjamin dan memperkukuhkan daya saing produk dan perkembangan produk di samping mengerakkan rantaian ekonomi lain yang berkaitan. Perkembangan dan kemajuan dalam sektor perkhidmatan ini juga didorong dengan faktor-faktor antaranya adalah seperti faktor fizikal, faktor manusia dan faktor budaya. Melihat kepada kepentingan dan sumbangan sektor perkhidmatan ini kepada negara Malaysia, pihak kerajaan hendaklah lebih peka dan mengatur pelbagai strategi untuk membangunkan sektor perkhidmatan ini setanding dengan luar negara. Hal ini demikian kerana perkhidmatan berpotensi untuk dimajukan sebagai sektor ekonomi utama negara pada masa hadapan.

BIBLIOGRAFI

- _____. (2009). *Liberalisasi Sektor Perkhidmatan*. Diakses pada 24 Oktober, 2018, daripada <https://www.najibrazak.com/bm/press-statement/liberalisasi-sektor-perkhidmatan>
- _____. (2014). Sektor Perkhidmatan Penyumbang Utama. *Utusan Online*. Diakses pada 25 Oktober, 2018, daripada http://ww1.utusan.com.my/utusan/Ekonomi/20140411/ek_02/Sektor-perkhidmata%20n-penyumbang-utama
- _____. (2015). *Liberalisasi Sektor Perkhidmatan*. Diakses pada 25 Oktober, 2018, daripada <http://www.mida.gov.my/home/liberalisation-of-the-services-sector/posts/?lg=MAL>
- Azman Abdullah, Rosnah Haji Salleh dan Kuswandi Tayen. (2008). *Kemahiran Geografi*. Selangor: Arah Pendidikan Sdn. Bhd.
- Daliza Arifin. (2001). Pelancong Ke Malaysia Meningkatkan 44 Peratus. *Utusan Online*. Diakses pada 29 Oktober 2018, daripada http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2001&dt=0811&pub=Utusan_Malaysia&sec=Ekonomi&pg=ek_01.htm
- Fellmann, J.D., & Getis, A. (2005). *Human Geography: Landscapes of Human Activities (Eighth Edition)*. New York: Mc Graw Hill Higher Education.
- Gronross, C. (2000). *Service Management and Marketing: A Customer Relationship Management Approach*. University of California: Wiley.
- Lovelock, C.H., Vandermerwe, S., & Lewis, B. (2001). *Services Marketing: A European Perspective*. United Kingdom: Prentice Hall Europe.
- Malaysia, Bank Negara Malaysia. (2003). *Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2002*. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia.
- Malaysia, Bank Negara Malaysia. (2013). *Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2012*. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia.
- Malaysia, Bank Negara Malaysia. (2018). *Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2017*. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia.
- Malaysia, Jabatan Perangkaan. (2016). *Perangkaan Ekonomi Malaysia Siri Masa 2015*. Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia.

- Malaysia, Jabatan Perangkaan. (2016). *Tenaga Buruh, Penduduk Bekerja Mengikut Industri dan Pengangguran 1982 – 2016*. Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Mohamad Hafiz Yusoff Bakri. (2018). ETP Wujud Peluang Pekerjaan Sektor Perkhidmatan. *Utusan Online*. Diakses pada 3 November 2018, daripada <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/etp-wujud-peluang-pekerjaan-sektor-perkhidmatan-1.603978>
- Mohd Shahizam Tazali. (2018). Nilai KDNK 2017 RM1.352 Juta. *Utusan Online*. Diakses pada 1 November 2018, daripada <http://www.utusan.com.my/bisnes/ekonomi/nilai-kdnk-2017-rm1-352-trilion-1.609911>
- Nabila Yasmin Razib. (2018). Sektor Perkhidmatan Berkembang 5%. *Utusan Online*. Diakses pada 5 November 2018, daripada <http://www.utusan.com.my/bisnes/ekonomi/sektor-perkhidmatan-berkembang-lebih-5-1.617070>
- Nur Azura Sanusi, Laina E. A., & Nuruzaini Hasbollah. (2012). Laluan Pertumbuhan Sektor Perkhidmatan Malaysia. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia Ke VII 2012, 1* (7), 348-354.
- Suffian A Bakar. (2016). Sektor Perkhidmatan Pemacu Utama Ekonomi Malaysia. *Berita Harian Online*. Diakses pada 26 Oktober 2018, daripada <https://www.bharian.com.my/node/222061>
- Teo, E. S. (2014). *Sistem Penyampaian Awam*. Diakses pada 25 Oktober, 2018, daripada: <https://www.slideserve.com/lamar-james/disediakan-oleh-teo-eng-seng-sektor-pengurusan-akademik-jabatan-pelajaran-negeri-sabah>